

Kerajaan lulus bayaran Elaun Kemahiran Khas bomba

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL
utusannews@mediamulia.com.my

KEPALA BATAS: Kerajaan meluluskan permohonan pemanjangan bayaran Elaun Kemahiran Khas kepada pegawai yang bertugas sebagai jurulatih dan tenaga pengajar di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia (ABPM).

Menurut Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, kelulusan itu melibatkan bayaran bayaran Insentif Pasukan Khas Bahan Kimia Berbahaya (Hazmat) iaitu pada kadar RM30 bagi setiap operasi (maksimum RM600 sebulan) dan bayaran Insentif Penyelamat Di Air melibatkan kadar RM30 bagi setiap operasi (maksimum RM600 sebulan).

Turut diluluskan kata beliau, bayaran Insentif Rawatan Kecemasan (EMRS) melibatkan kadar secara pro rata (maksimum RM150 sebulan) serta bayaran Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu melibatkan kadar secara pro rata (maksimum RM150 sebulan).

Jelasnya, kelulusan elaun itu akan memberi manfaat kepada 114 pegawai bomba dari Gred KB19 hingga KB38 yang bertugas sebagai jurulatih dan tenaga pengajar di lima ABPM.

“Walaupun pada peringkat



ISMAIL Sabri Yaakob memeriksa perbarisan kawal kehormat ketika Majlis Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia. Peringkat Kebangsaan 2022 di Dewan Millenium, Kepala Balas, Pulau Pinang, semalam. - UTUSAN/IQBAL HAMDAN

awal kita menerima permohonan dengan kadar RM300 bagi dua insentif untuk jurulatih dan tenaga pengajar, saya berpandangan kadar itu tidak sesuai dan saya telah mengarah Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menambah jumlah elaun-elaun jurulatih dan tenaga pengajar terlibat.

“Diharapkan dengan kelulusan ini, jurulatih dan tenaga

pengajar dengan kemahiran khas ini akan terus meningkatkan komitmen dan kualiti kerja ke arah melahirkan modal insan yang berkualiti dan berwibawa,” katanya.

Beliau berucap merasmikan majlis Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia 2022 (SHAB 2022) dan pelancaran Dasar Kebombaan dan Penyelamatan Negara (DKPN 2021-2030) di

pekarangan Dewan Millenium, di sini semalam.

Turut hadir, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican.

Hari Anggota Bomba Sedunia disambut di seluruh negara pada 4 Mei setiap tahun dan sambutan peringkat kebangsaan tahun bertemakan ‘Bomba Frontliners Keluarga Malaysia’.